

## Kit ujian sendiri MyCSP mampu kesan kes Covid-19 guna teknologi AI



KIT Ujian Kendiri Covid-19 keluaran Teda Technology turut dilengkapi dengan perisian AI bagi mengesan dan menjejak serta mempunyai kod QR yang unik dan tersendiri.

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA 26 Januari 2022, 10:31 pm

BUTTERWORTH Prihatin dengan situasi semasa pandemik Covid-19, sebuah syarikat berasaskan teknologi kesihatan tampil menghasilkan satu inovasi baharu iaitu kit ujian sendiri yang dikenali sebagai MyCSP atau Program Pengawasan Covid.

Difahamkan, produk yang dihasilkan oleh Teda Technology Sdn. Bhd. itu hasil gabungan perisian pengesanan serta pengesanan coronavirus yang menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Pengerusi Teda Technology, Datuk Huan Cheng Guan berkata, sejak dilancarkan Sabtu lalu, penggunaan kit ujian sendiri itu sehingga kini dilaporkan mencecah 10,000 kali.

“Misi kami adalah menggalakkan orang ramai melakukan ujian sendiri dan mengekalkan tahap kesedaran terhadap kepentingan ujian tersebut selain mewujudkan persekitaran yang bersih dan selamat.

“Dalam hal ini, MyCSP dilihat boleh dijadikan alternatif yang lebih baik ke arah itu kerana ia menghimpunkan beberapa fungsi seperti pengesanan identiti, penyimpanan data dan peringatan jejak dalam satu masa agar dapat menggalakkan orang ramai melakukan ujian sendiri secara lebih kerap,” katanya.

Pada masa yang sama, Cheng Guan juga percaya bahawa aplikasi MyCSP boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelbagai pihak termasuk orang awam, perusahaan swasta, pelancongan dan institusi lain yang mempunyai tenaga kerja besar kerana ia mempunyai fungsi seperti pengesanan kes Covid-19 dan sebagainya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Teda Technology, Na Yong Chiang menggesa semua pengusaha produk, terutama dalam industri runcit, catering, pembuatan dan industri kereta ‘e-hailing’ untuk turut-serta dalam program MyCSP.

Katanya, penyertaan mereka secara tidak langsung boleh mewujudkan persekitaran kehidupan yang lebih baik dengan mengamalkan nilai tanggungjawab sosial peribadi atau korporat.

Ketua Pegawai Pemasaran syarikat itu, Na Yong Wee pula memaklumkan, mereka akan bekerjasama dengan beberapa syarikat lain sebagai rakan kongsi strategik bagi memasarkan produk berkenaan selepas ini.



HUAN Cheng Guan (empat dari kanan), Na Yong Chiang (tiga, kanan) dan Na Yong Wee (kanan) pada majlis pelancaran Teda Technology MyCSP, baru-baru ini.

“Kerjasama itu bagi mewujudkan rangkaian interaksi korporat yang meluas, membina persekitaran hidup yang lebih sihat serta mewujudkan kehidupan yang lebih selesa,” katanya yang memberitahu, aplikasi itu 100 peratus dibangunkan oleh pasukan teknikal domestik.

Tambah Yong Wee, harga yang ditawarkan untuk kita ujian sendiri itu adalah berpatutan dan ia boleh didapati bukan sahaja di farmasi-farmasi terpilih, namun, boleh juga didapati secara dalam talian ketika ini. – UTUSAN ONLINE